

# SUCCESS STORY

JENIS	MAKLUMAT
<b>NAMA PI1M</b>	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA TAMAN JAYA KEMAYAN
<b>LOKASI</b>	MUKIM KEMAYAN, BERA.PAHANG.
<b>NAMA</b>	SARENA BT ASMAWI
<b>BUTIRAN DIRI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>TAHUN</li> <li>PEREMPUAN</li> <li>TARAF PENDIDIKAN (SPM)</li> <li>PERSEORANGAN</li> </ul>
<b>KISAH KEJAYAAN</b>	<p>Pusat Internet 1 Malaysia Taman Jaya yang terletak di Daerah Bera iaitu salah satu daerah yang baru membangun di kawasan Pahang telah berbesar hati untuk berkongsi cerita kejayaan salah seorang individu yang telah berjaya di dalam kehidupan dan perniagaan.</p> <p>Biarpun hanya memiliki sijil pelajaran Malaysia(SPM), Sarena bt Asmawi yang dikenali sebagai kak ina telah menceburkan diri dalam perniagaan atas talian. Pernah bekerja di bawah badan kerajaan dan swasta tetapi tidak memberi kepuasan bekerja dan mengambil keputusan menceburi pertanian fertigasi dengan mempromosikan tanaman sayuran fertigasi secara atas talian di muka buku. Pelanggan juga boleh datang untuk memetik hasil tanaman sendiri. Melangkah setapak lagi ke dalam bidang pembuatan kek dan kuih muih, berbekalkan semangat dan keyakinan pada slogan 'jika hari ini tiada rezeki,percalalah,esok Allah pasti beri' beliau tekad untuk Berjaya tanpa mempedulikan kata-kata orang lain. Wanita yang tinggal di rumah kakitangan Felda Mayam ni adalah seorang wanita yang rajin, walaupun beliau seorang suri rumah yang mempunyai dua orang anak dan tidak pandai mengendalikan kenderaan, tetapi dengan usaha dan keazaman, beliau dapat meyakinkan orang ramai dengan kesungguhannya.</p> <p>Bermula dengan minat membuat kek di masa lapang, akhirnya kini kak ina telah membuktikan bahawa suri rumah sepenuh masa sepertinya juga mampu mendapatkan pendapatan lumayan hanya dengan membuat kek dan kuih muih. Pendapatan bulanan beliau kini dianggarkan 1 hingga 2 ribu ringgit sebulan bergantung kepada tempahan. Beliau juga telah mendapatkan jenamanya yang tersendiri iaitu Risna Kek @ Home sesuai dengan perniagaan yang beliau ceburi. Dengan bantuan suami, Mohd Jalil bin Berahim beliau boleh menghantar kek yang ditempah pelanggan kepada orang yang di luar kawasan tempat tinggal beliau contohnya di sekitar kerayong, Sepang, Nilai, Kuantan dan Kajang. Kak Ina sering mendapat tempahan di majlis perkahwinan, pertunangan, hari lahir serta program-</p>

program lain. Beliau juga pergi ke kelas-kelas pembuatan kek dan kuih untuk mendapatkan, menambah serta memperbaiki perniagaan kek dan kuih beliau.

Kek dan kuih muih Kak Ina telah mendapat nama di sekitar Bera kerana keenakan rasa dan beliau mempunyai pelanggan tetap. Beliau juga tidak lokek untuk berkongsi resepi pelbagai kek dan kuih muih yang beliau usahakan. Bermodalkan RM 1 ribu ringgit kini Kak Ina mendapat pulangan yang lumayan. Beliau menggunakan laman sosial muka buku untuk mempromosikan kek, kuih-muih dan hasil tanaman fertigasi beliau. Kejayaan Kak Ina akan menjadi contoh kepada suri rumah lain yang ingin dan minat menceburi bidang perniagaan atas talian ini. Jadi jangan hairan jika suri rumah sibuk dengan muka buku, ini kerana di situlah menjana pendapatan mereka.

#### KETERANGAN GAMBAR



Antara kek hari jadi yang telah disiapkan oleh kak Ina kepada pelanggannya



Antara kuih muih yang menjadi kegemaran pelanggan



Antara kek kesukaan yang menjadi permintaan tertinggi dari pelanggan



Kak Ina sedang menghadiri kursus pembuatan kek dan roti



Kek dan kuih-muih





Logo untuk kek dan kuih kak Ina



Hasil tanaman Fertigasi

MAKLUM BALAS

- Beliau memberi pandangan bahawa

	<p>penubuhan Pusat Internet 1Malaysia ini bagus terutama dapat memberi peluang kepada masyarakat luar Bandar yang tidak berkemampuan di dalam mempelajari asas di dalam bidang IT.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Banyak memberi kemudahan kepada para pelajar yang memerlukan komputer untuk menyiapkan kerja sekolah dan mencari maklumat-maklumat berkenaan dengan pembelajaran mereka.</li><li>• Membantu golongan tua untuk melakukan sesuatu yang berkaitan dengan atas talian.</li><li>• Memberi banyak maklumat terkini, justeru membolehkan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam bidang ICT.</li><li>• Memudahkan para belia untuk mencari pekerjaan di atas talian dan tidak membuang masa dengan perkara-perkara yang berfaedah.</li></ul>
--	--